

**KEHAMILAN LUAR NIKAH DAN REAKSI KELUARGA:
PENGALAMAN IBU TANPA NIKAH YANG TINGGAL DI RUMAH
PERLINDUNGAN**

*(Pregnancy Out of Wedlock and The Family Reactions: The Experiences of Unwed Mothers
Living in Shelter Homes)*

Nor Jana Saim, Norulhuda Sarnon @ Kusenin* & Chong Sheau Tsuey

ABSTRAK

Di Malaysia, topik kehamilan luar nikah masih dianggap taboo dan dipercayai sebagai tingkah laku tidak bermoral. Ini adalah kerana, kehamilan luar nikah boleh memberi malu kepada diri dan keluarga, justeru keluarga cenderung menghantar mereka ke rumah perlindungan untuk menyembunyikan kehamilan dari orang lain. Makalah ini bertujuan untuk meneroka situasi yang menyebabkan kehamilan luar nikah dan reaksi keluarga dalam kalangan ibu tanpa nikah yang tinggal di rumah perlindungan. Analisis data dibuat berdasarkan temu bual dengan 31 informan yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Verbatim temubual dianalisis menggunakan pendekatan fenomenologi Cresswell dengan dipengaruhi oleh pengekodan terbuka dan *axial*. Di samping itu, ia melibatkan gabungan dan padanan antara pengekodan deskriptif, emosi dan nilai. Hasil analisis menunjukkan terdapat empat jenis situasi yang menyebabkan kehamilan luar nikah iaitu diperkosa, didera secara seksual, janji palsu dan cinta. Manakala terdapat tiga cara keluarga untuk mengetahui kehamilan; tiada pengantara, profesional dan orang luar. Reaksi keluarga pula berbeza-beza; membuat laporan polis, menerima kehamilan dan tidak merancang untuk menikahkan ibu tanpa nikah, mengahwinkan ibu tanpa nikah segera, sedih, mendera dan pengasingan. Sebilangan keluarga terus memberi sokongan kepada ibu yang belum berkahwin melalui panggilan telefon, mengunjungi dan menghantar barang makanan dan keperluan harian. Manakala beberapa keluarga enggan memberikan sokongan sama sekali. Penemuan ini sangat penting bagi keluarga dan profesion menolong seperti pekerja sosial untuk memperbaiki intervensi bagi memenuhi keperluan ibu tanpa nikah.

Kata kunci: ibu tanpa nikah, rumah perlindungan, kehamilan luar nikah, keluarga, Malaysia.

ABSTRACT

In Malaysian society, the taboo topic pregnancy out of wedlock is believed as an immoral action. As the unwed mothers' situation could bring shame and disgrace to the family; thus, they tend to send them to the shelter homes to hide their pregnancy from others. This paper aims to explore the situation that cause circumstances of conception pregnancy out of wedlock and the family

reactions among the unwed mothers living in the shelter homes. The investigation was based on the interviews with 31 informants selected through purposive sampling. The verbatim of the interviews had been analyzed according to Cresswell 's phenomenology approach with influenced by open and axial coding. In addition, it involved the combination mixed and matched between descriptive coding, emotion coding and values coding. The result shows there are four types of situations that cause pregnancy out of wedlock: raped, sexual abuse, false pretenses and love. Whilst there were three ways of families got to know about the pregnancy by themselves, professional and outsider. Family reactions were varying; lodge a police report, accepted the pregnancy and did not plan to get the unwed mothers married, a spur-of-the-moment marriage, sad, abusive behavior and isolation. Some families continue the support the unwed mothers via phone calls, visit and sending them food and daily use items, whilst some families refusing to give support at all. The findings are crucial for the family and professional helping profession such as social worker to improvise the interventions to fulfill the needs of unwed mothers.

Keywords: unwed mother, shelter home, unwed pregnancy, family, Malaysia.

PENGENALAN

Kehamilan dan menjadi ibu selalunya digambarkan sebagai momen-momen manis seorang wanita. Gambaran keterujaan apabila mendapat dua garisan dipenanda ujian kehamilan (*Urine Test Pregnancy*) serta apabila kandungan mula bergerak-gerak. Penerimaan dan sokongan terhadap kehamilan luar nikah adalah pelbagai bergantung kepada konteks sosial dan budaya. Mengetahui diri mereka hamil mungkin detik manis bagi sesetengah wanita. Tetapi ianya mungkin adalah momen duka bagi wanita yang belum berkahwin di Malaysia sebagaimana negara ASEAN yang lain seperti di Thailand dan Filipina (Piyant Sa-ngiamsak, 2016; Medina, 2001). Menurut Piyant Sa-ngiamsak (2016), berdasarkan budaya Thai tradisional, adalah sesuatu yang ganjil sekiranya seseorang wanita melahirkan anak sebelum sesuatu perkahwinan berlaku. Manakala di Filipina, menjadi norma untuk menjangkakan wanita yang belum berkahwin untuk berpegang kepada adat tradisi, kekal perawan dan naif dalam seksualiti (Medina, 2001). Di Malaysia, kajian-kajian mengenai ibu tanpa nikah sehingga kini masih boleh dikatakan belum meluas (Fatimah, 2009) walaupun banyak kajian yang relevan dengan situasi ini. Contohnya kajian anak tak sah taraf (Mohd Awal, 2009), pembuangan bayi (Badiyah & Mohd Jamil, 2006), hubungan romantik (Abd Ghadur & Abdul Kadir, 2009), sumbang mahram, rogol dan seks secara sukarela (Bidin & Shaffie, 2019).

Oleh kerana topik ibu tanpa nikah dianggap taboo dalam kalangan masyarakat Malaysia, topik perbincangan juga sering berkisar tentang rasa malu dan kerosakan akhlak (Azizi, 2010). Ini adalah kerana masyarakat Malaysia percaya kehamilan luar nikah adalah sesuatu yang tidak bermoral. Masyarakat Malaysia serta negara-negara sekitar seperti Indonesia (Butt & Munro, 2007; Fadhilah, 2020), Filipina (Medina, 2001), Singapura (Rahman, 2009), serta Korea (Jin, Oh & Kim, 2007) dan Jepun (Gagné, 2012) melihat fenomena ibu tanpa nikah ini berupaya untuk meruntuhkan nilai dalam sesebuah keluarga Asia yang dipegang (Saim, 2013). Justeru kebiasaannya ibu tanpa nikah akan cuba merahsiakan kehamilan mereka. Oleh kerana kehamilan

ibu tanpa nikah ini juga berkait dengan malu dan maruah, menjadi kebiasaan juga ibu bapa atau keluarga ibu tanpa nikah cenderung untuk menempatkan ibu tanpa nikah di rumah-rumah perlindungan bagi menyembunyikan keadaan mereka dari orang lain dan komuniti.

Artikel ini adalah berdasarkan temubual yang dilakukan terhadap ibu tanpa nikah yang ditempatkan di rumah perlindungan. Hamil luar nikah dan ditempatkan di suasana yang baharu di rumah perlindungan dalam keadaan majoriti umur mereka yang masih muda dan tidak bersedia menjadi ibu menjadikan mereka rentan. Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengkaji fenomena yang sering diperdebatkan ini dari pespektif yang berbeza iaitu pespektif ibu tanpa nikah ketika mereka ditempatkan di rumah perlindungan untuk penempatan atau pengawasan. Artikel ini turut membincangkan isu yang dikemukakan oleh ibu tanpa nikah tentang situasi yang menyebabkan terjadinya kehamilan luar nikah, bagaimana keluarga mengetahui tentang kehamilan dan reaksi keluarga terhadap kehamilan tersebut.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Terdapat tiga jenis pentadbiran rumah perlindungan iaitu kerajaan, badan berkanun dan badan bukan kerajaan. Rumah perlindungan yang dikendalikan oleh kerajaan mendapat dana penuh melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kakitangan di rumah perlindungan jenis ini dianggap sebagai kakitangan kerajaan dan menerima faedah-faedah selayaknya. Kebiasaannya rumah perlindungan kerajaan dilengkapi dengan pengawal keselamatan, tukang masak, warden, kerani, jururawat terlatih yang bertugas secara shift. Rumah perlindungan kerajaan juga mempunyai kaunselor samada secara jawatan tetap atau dipinjamkan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat berhampiran. Rumah perlindungan kerajaan kebiasaannya diketuai oleh penolong pegawai kebajikan masyarakat yang memegang jawatan pengetua. Kemasukan ke rumah perlindungan kerajaan adalah secara perintah mahkamah ataupun secara sukarela bagi remaja berusia di bawah 18 tahun sahaja. Perkhidmatan rumah perlindungan ini diberikan secara percuma dan semua kos adalah di bawah tanggungan kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tempoh masa tinggal di rumah perlindungan untuk pengawasan ditentukan oleh mahkamah.

Jenis kedua rumah perlindungan pula ialah rumah perlindungan badan berkanun. Kebiasaannya rumah perlindungan badan berkanun adalah di bawah seliaan jabatan agama Islam negeri. Kebiasaannya sumber kewangan adalah dari zakat di bawah asnaf (kumpulan penerima zakat) Ar Riqab. Dana Ar Riqab ini berikan kepada golongan yang dianggap telah melencong dari norma dan telah atau dalam cubaan untuk bertaubat. Rumah perlindungan badan berkanun juga dilengkapi dengan pengawal keselamatan, tukang masak, warden, kerana yang menguruskan hal-hal kemasukan penghuni, kerana yang menguruskan hal berkaitan aktiviti luar, dan guru vokasional bagi mengajar kelas jahitan dan masakan. Perkhidmatan kaunseling diberikan melalui kaunselor bertugas di jabatan agama Islam ibu pejabat. Proses kemasukan ke rumah perlindungan ini boleh melalui dua kaedah—sukarela dan perintah mahkamah bagi wanita berusia 18 tahun ke atas, kebiasaannya sehingga umur 35 tahun. Pemohon kebiasaannya akan dinilai melalui sesi temuduga atau sesi soal siasat sebelum dibenarkan penempatannya di rumah perlindungan (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2021). Sekiranya pemohonan penempatan diluluskan,

pemohon perlu membayar wang deposit kemasukan sebanyak RM500 di mana ianya akan dikembalikan sekiranya pemohon melengkapkan tempoh penempatan selama 24 bulan.

Jenis ketiga rumah perlindungan ialah rumah perlindungan badan bukan kerajaan. Badan bukan kerajaan boleh terdiri dari pelbagai latar belakang. Walau bagaimanapun kebiasaannya badan bukan kerajaan yang berasaskan agama akan mengendalikannya rumah perlindungan bagi ibu tanpa nikah. Terdapat badan bukan kerajaan yang menerima bantuan geran pelancaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat diawal penubuhan. Tetapi ada juga yang bertapak sendiri. Sumber kewangan lain adalah dari sumbangan orang ramai, syarikat dan korporat. Terdapat juga yang menerima bantuan kewangan dari institusi agama seperti pusat zakat, gereja dan persatuan keagamaan berasaskan Confucius. Kebanyakan rumah perlindungan badan bukan kerajaan mengenakan yuran bulanan kepada penghuni dalam anggaran RM300 hingga RM2500 (Saim, 2013). Kakitangan rumah perlindungan di bawah badan bukan kerajaan kebiasaannya tidak ramai. Ianya merangkumi pengetua, warden, kerani yang juga seringkali melakukan tugas sebagai guru aktiviti. Terdapat sebahagian kecil rumah perlindungan badan bukan kerajaan yang memiliki kaunselor. Hampir tiada rumah perlindungan yang mempunyai pengawal keselamatan dan tukang masak khas. Kebiasaannya penghuni rumah perlindungan akan memasak mengikut giliran berdasarkan menu yang telah dibincangkan bersama warden.

Kesemua rumah perlindungan adalah tertakluk kepada Akta Pusat Jagaan 1993. Menurut akta ini, sesebuah rumah perlindungan untuk penempatan atau probation (perintah mahkamah) adalah dianggap sebagai pusat jagaan. Pusat jagaan berfungsi untuk perlindungan, pemulihan, penyeliaan dan latihan (Akta Pusat Jagaan, 1993). Tempoh penempatan di rumah perlindungan adalah pelbagai bergantung kepada keperluan ibu tanpa nikah. Tempoh perintah mahkamah adalah tertakluk kepada keputusan hakim. Manakala tempoh penempatan ditetapkan oleh ibu bapa atau rumah perlindungan. Tempoh paling minimum adalah dua minggu atau sekadar tempoh sehingga pulih selepas melahirkan anak. Tempoh minimum ini kebiasaannya berlaku di rumah perlindungan kerajaan. Manakala tempoh paling maksimum pula adalah 24 bulan di mana kebiasaannya berlaku di rumah perlindungan badan berkanun. Bagi rumah perlindungan badan bukan kerajaan, julat tempoh diantara enam bulan sehingga 18 bulan.

Aktiviti di dalam rumah perlindungan adalah pelbagai dan berbeza pelaksanaannya. Bagi rumah perlindungan kerajaan, aktiviti meliputi kelas agama, kelas kemahiran dan aktiviti luar. Kelas kemahiran kebiasaannya dikendalikan oleh pengajar yang dilantik secara kontrak berdasarkan kelayakan mereka. Aktiviti luar pula melibatkan aktiviti yang diadakan oleh institusi lain di bawah JKM. Bagi rumah perlindungan bukan kerajaan, aktiviti meliputi aktiviti luar seperti terlibat di dalam pertandingan pidato dan sukan yang diadakan di bawah institusi yang sama, aktiviti sukarela, kem bina diri dan kelas agama. Selain itu, kelas vokasional juga diadakan dengan tenaga pengajar dari institusi pendidikan di bawah jabatan agama Islam. Kelas agama dan vokasional di rumah perlindungan badan berkanun ini juga dilihat lebih teratur berbanding dua jenis rumah perlindungan yang lain. Ini kerana kelas agama dan vokasional ini mempunyai modul yang telah ditetapkan dan berperingkat mengikut tahap keupayaan ibu tanpa nikah. Bagi kelas agama dan vokasional ini juga diadakan peperiksaan bagi setiap tahap, supaya tahap keupayaan ibu tanpa nikah dapat diukur dengan lebih objektif. Pada setiap tahun, laporan pencapaian ibu tanpa nikah perlu diserahkan kepada jabatan agama Islam yang menanganinya. Bagi rumah

perlindungan badan bukan kerajaan, aktiviti yang dijalankan adalah kelas agama, aktiviti luar yang melibatkan aktiviti bersama institusi pendidikan berhampiran. Ibu tanpa nikah yang ditempatkan di rumah perlindungan badan bukan kerajaan perlu melakukan kerja rumah serta memasak. Ini adalah kerana kebiasaannya rumah perlindungan badan bukan kerajaan tidak mempunyai tukang masak khas dan juga pembantu pembersihan.

METODOLOGI KAJIAN

Data dikutip dalam tempoh enam bulan dengan menemubual pelatih yang tinggal di rumah perlindungan kerajaan, badan berkanun dan badan bukan kerajaan. Bilangan sesi temubual adalah satu hingga enam sesi bergantung kepada kehendak dan keperluan informan. Satu sesi temubual mengambil masa di antara 40 minit sehingga ke satu jam. Verbatim temubual kemudiannya telah dianalisis menggunakan perisian Nvivo berdasarkan pendekatan fenomenologi yang dipengaruhi oleh kod terbuka dan *axial (open and axial coding)* (Creswell, 2007). Selain itu, ianya juga melibatkan gabungan analisis secara deskriptif, emosi dan nilai. Pada peringkat awal sebanyak 600 *nodes* telah dibentuk. *Nodes* ini kemudiannya telah dianalisis semula menjadikan 349 *nodes*. *Nodes* kemudiannya telah dikategorikan dan membentuk tema-tema

Pensampelan

22 buah rumah perlindungan telah dihubungi tetapi hanya sembilan daripadanya yang bersetuju untuk terlibat di dalam kajian ini. Seramai 31 informan dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dari tiga kumpulan etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India. Umur diantara 12 hingga 30 tahun. Rumah perlindungan yang terlibat terletak di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Etika penyelidikan

Objektif kajian dijelaskan kepada pentadbiran rumah perlindungan dan informan. Persetujuan termaklum daripada informan dan penjaga (pekerja sosial atau kakitangan rumah perlindungan yang berkenaan) juga diperolehi.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada senarai nodes yang terhasil, terdapat beberapa isu yang telah dikemukakan oleh informan. Terdapat tiga penemuan hasil daripada analisis ini:

- i. Keadaan yang menyebabkan terjadinya kehamilan luar nikah
- ii. Bagaimana keluarga mengetahui tentang kehamilan luar nikah
- iii. Reaksi keluarga terhadap perkara berkaitan kehamilan

Situasi yang menyebabkan Terjadinya Kehamilan Luar Nikah

Gambarajah 1 menunjukkan terdapat empat situasi yang menyebabkan terjadinya kehamilan luar nikah dari pandangan informan.

a) Dirogol

Dalam kategori ini, informan menyatakan mereka dirogol bermaksud mereka telah dipaksa melakukan hubungan seks secara paksa. Terdapat enam informan daripada insitisi pemulihan kerajaan yang menyatakan mereka telah dirogol, empat informan daripada rumah perlindungan badan berkanun dan seorang informan daripada insitisi pemulihan badan bukan kerajaan.

b) Didera secara seksual

Kategori ini bermaksud informan telah mengalami penderaan seksual apabila terdapat pelekatan emosi (*emotional attachment*) diantara mangsa dan pemangsa. Pemangsa boleh jadi seseorang daripada sistem keluarga (sumbang mahram) atau seseorang yang dianggap berperanan sebagai bapa (*godfather*). Terdapat dua informan daripada rumah perlindungan kerajaan yang menyatakan mereka telah mengalami penderaan seksual sehingga menyebabkan kehamilan luar nikah berlaku.


c) Janji palsu

Kategori ini bermaksud pasangan telah memberikan janji palsu seperti 'saya akan bertanggungjawab', 'kita akan berkahwin' atau 'akan sama-sama menjaga kehamilan'. Terdapat seorang informan daripada rumah perlindungan kerajaan dan lima informan dari rumah perlindungan bukan kerajaan yang menyatakan pasangan mereka telah memberikan janji palsu yang menyebabkan kehamilan luar nikah.

d) Cinta

Kategori ini adalah bagi informan yang tidak menyatakan sebarang perasaan samada ditipu, atau dibuang oleh pasangan. Selain itu, informan dalam kategori ini juga menyatakan akan meneruskan perhubungan dengan pasangan yang menyebabkan kehamilan luar nikah. Seramai tiga informan dari rumah perlindungan kerajaan, lima dari rumah perlindungan badan bukan kerajaan dan empat informan dari rumah perlindungan badan berkanun yang termasuk di dalam kategori ini.

Gambarajah 1: Situasi yang menyebabkan Terjadinya Kehamilan Luar Nikah



Terdapat seorang informan yang telah mengalami sumbang mahram yang menyebabkan kehamilannya. Walau bagaimanapun informan menolak untuk bercakap tentang identiti pasangannya. Beliau juga merancang untuk berkahwin dengan seseorang yang tidak dikenali, Informan berpendapat dengan cara itu, beliau dapat melindungi dan merahsiakan identiti pasangannya.

Bagaimana Keluarga Mengetahui Tentang Kehamilan Luar Nikah

Gambarajah 2 menunjukkan terdapat tiga kaedah bagaimana keluarga mengetahui tentang kehamilan luar nikah. Analisis menunjukkan terdapat tiga kaedah bagaimana keluarga mengetahui tentang kehamilan luar nikah informan.

a) Tiada pengantara

Dalam kategori ini tiada orang perantara diantara keluarga dan ibu tanpa nikah. Kategori dimana kehamilan luar nikah dimaklumkan kepada keluarga oleh informan sendiri. Katerogi ini juga termasuk dimana kehamilan diketahui oleh keluarga disebabkan perubahan bentuk badan, selera makan, mengidam dan perubahan cara berjalan.

b) Khidmat Professional


Khidmat professional bermaksud berita tentang kehamilan diketahui oleh keluarga melalui kakitangan badan professional seperti pegawai perubatan, guru atau pekerja sosial. Terdapat sebilangan ibu tanpa nikah yang mendapatkan bantuan khidmat professional terutamanya guru di

sekolah (sekiranya ibu tanpa nikah berada di usia persekolahan) dan pegawai perubatan; sekiranya ibu berusia melebihi usia persekolahan. Terdapat empat informan yang tinggal di rumah perlindungan kerajaan menyatakan mereka mendapatkan khidmat professional dalam memberitahu keluarga tentang kehamilan mereka. Manakala lima informan dari rumah perlindungan pemulihan bukan kerajaan dan satu dari rumah perlindungan badan berkanun telah mendapatkan khidmat professional dalam memaklumkan kehamilan kepada keluarga.

c) Orang luar

Terdapat juga informan yang memaklumkan kepada keluarga melalui seseorang yang di luar daripada keluarga tetapi mendapatkan kepercayaan mereka. Terdapat juga sebilangan orang luar ini tidak dikenali contohnya pemandu teksi. Seorang informan dari rumah perlindungan kerajaan, tiga dari rumah perlindungan badan bukan kerajaan dan seorang dari rumah perlindungan badan berkanun yang menggunakan orang luar untuk memberitahu keluarga.

Gambarajah 2: Bagaimana Keluarga Mengetahui Tentang Kehamilan Luar Nikah



Reaksi Keluarga Terhadap Kehamilan

Terdapat beberapa reaksi keluarga apabila mereka mengetahui tentang kehamilan. Sebelas keluarga telah membuat laporan polis bagi membolehkan pasangan informan diberkas. Sebahagian mereka pula menarik balik laporan polis selepas diberikan janji palsu oleh pasangan seperti berjanji akan mengahwini informan. Walaupun laporan polis telah dibuat terhadap pasangan, tetapi oleh kerana kekurangan bukti, pasangan pada kebiasaannya bebas tanpa dikenakan apa-apa

hukuman. Hasil dari temubual, dipercayai tiga informan telah dirogol walaupun seramai sebelas informan mendakwa dirogol. Dua daripadanya mereka telah membuat laporan polis, tetapi seorang informan telah menarik balik laporan polis disebabkan tidak mempunyai bukti yang cukup. Seorang lagi informan yang telah dirogol menolak untuk membuat laporan polis bagi mengelak persepsi negative terhadap keupayaannya sebagai seorang ibu; ini adalah kerana informan sedang menjalani perbincaraan mahkamah bagi tuntutan penjagaan anak.

Sembilan informan menyatakan keluarga mereka menerima kehamilan dan tidak merancang untuk mengahwinkan mereka. Manakala sembilan informan menyatakan keluarga merancang untuk mengahwinkan mereka dengan pasangan samada ketika penempatan atau selepas keluar dari rumah perlindungan. Walau bagaimanapun, sebahagian perancangan perkahwinan terpaksa dibatalkan kerana kekangan kerja (pasangan bekerja sebagai penjawat awam yang tidak dibenarkan berkahwin dalam tempoh latihan), kewangan yang tidak stabil, tingkahlaku pasangan yang kasar dan menagih dadah. Sebahagian pasangan juga menolak untuk dikahwinkan dengan informan. Tujuh informan menyatakan keluarga berasa sedih dengan kandungan mereka, manakala tiga informan telah dipinggirkan dan tiga informan lain telah didera secara fizikal. Lapan belas informan menyatakan mereka mempunyai sokongan keluarga ketika ditempatkan di rumah perlindungan. Sokongan keluarga yang dinyatakan berbentuk lawatan, menerima panggilan telefon, surat, bungkusan makanan atau barangan harian. Dua belas informan menyatakan kurang mendapat sokongan keluarga dan seorang informan menyatakan tidak langsung mempunyai sokongan keluarga.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Perhubungan percintaan teman lelaki-teman wanita adalah menjadi sesuatu yang lazim dalam kalangan orang muda di Malaysia. Kebiasaannya, kedua-dua belah keluarga mengetahui berkenaan perhubungan tersebut. Pada peringkat ini, pasangan yang bercinta akan keluar bersama, sama ada untuk makan, membeli belah atau apa-apa aktiviti yang boleh dilakukan bersama kecuali perhubungan intim (seksual). Ibu bapa dipertanggungjawabkan sebagai penjaga kepada pasangan dan restu ibu bapa terhadap perhubungan menjadi keutamaan. Walau bagaimanapun, ada ketikanya restu ibu bapa ini telah disalahguna oleh pasangan sehingga menyebabkan perhubungan seksual sebelum perkahwinan. Kesannya wanita yang hamil sebelum berkahwin dianggap sebagai mempunyai tingkahlaku tidak terkawal. Sebagaimana yang telah dibincangkan di peringkat awal artikel ini, kehamilan di luar nikah adalah dianggap sebagai sesuatu yang mencemar maruah diri dan keluarga.

Oleh yang demikian, ibu tanpa nikah seringkali akan menyembunyikan kehamilan sehinggalah keluarga mendapat tahu tentang kehamilan tersebut. Seringkali kehamilan diketahui oleh keluarga melalui perubahan selera makan dan perubahan bentuk badan ibu tanpa nikah. Ibu tanpa nikah seboleh mungkin akan menyembunyikan kehamilan sehingga didesak oleh keluarga untuk mengakuinya. Reaksi keluarga terhadap kehamilan luar nikah berbeza berdasarkan kepada keadaan yang menyebabkan kehamilan tersebut. Reaksi keluarga, membuat laporan polis, merancang mengahwinkan ibu tanpa nikah, menerima situasi tersebut dan merancang tindakan yang perlu dilakukan, sedih, marah, sehinggalah kepada tingkah laku yang berbentuk penderaan

dan penyisihan. Kesemua reaksi ini adalah disebabkan oleh malu terhadap kehamilan luar nikah. Sebagaimana yang dinyatakan oleh dalam artikel Meniti Duri dan Ranjau: Pembikinan Gender dan Seksualiti dalam konteks dunia Melayu:

Walaupun maruah keluarga boleh tergugat akibat perbuatan anak lelaki, perbuatan seksual anak perempuan lebih memalukan keluarga. (Ruzy Suliza, 2006:26)

Terdapat beberapa alasan mengapa ibu tanpa nikah memilih untuk menunggu dari menyatakan tentang kehamilan kepada keluarga. Antaranya ialah:

- i. Takut akan dihukum
- ii. Untuk menerima lebih simpati dari keluarga sekiranya menyatakan mereka telah dirogol
- iii. Untuk melindungi pasangan yang mereka cintai dari dikenakan tindakan oleh keluarga atau undang-undang
- iv. Untuk melindungi keluarga dari malu
- v. Untuk mengurangkan stigma dari masyarakat

Oleh yang demikian, seringkali apabila keluarga mengetahui tentang kehamilan, ianya dilihat sebagai sesuatu yang mengejutkan. Justeru, tindakan keluarga adalah pelbagai contohnya dalam usaha mengembalikan maruah yang tercemar dengan menempatkan ibu tanpa nikah di rumah perlindungan, mengambil tindakan undang-undang terhadap pemangsa (atau pasangan ibu tanpa nikah) atau mengahwinkan ibu tanpa nikah. Kesimpulannya, keluarga dan kakitangan profesional memainkan peranan yang signifikan dalam membantu ibu tanpa nikah terutamanya di peringkat awal kehamilan. Oleh kerana perhubungan seksual di luar nikah dianggap taboo, ianya mengakibatkan ibu tanpa nikah seringkali berselindung untuk tidak menceritakan secara telus tentang keadaan yang menyebabkan kehamilan luar nikah. Perselindungan dari ibu tanpa nikah ini telah menyebabkan kesukaran menjalankan intervensi terhadap mereka. Justeru, amat penting keprihatinan dan keikhlasan keluarga dan kakitangan profesional dalam meneroka permasalahan mereka supaya kepercayaan dapat dibina dan membolehkan intervensi dijalankan sebagaimana yang diperlukan oleh ibu tanpa nikah.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian dari kajian yang dilakukan dibawah geran FRGS/1/2016 /SS06/UKM/02/1.

RUJUKAN

- Abd Ghadur, S., & Abdul Kadir, N. B. (2009). Hubungan romantik dan remaja hamil luar nikah di pusat pemulihan. *Jurnal e-Bangi*, 4(1), 106 - 113.
- Akta Pusat Jagaan (1993): *Pindaan sehingga 1 Jun 2006*. Percetakan Nasional Malaysia Bhd, Undang-undang Malaysia.

- Azizi, Y. (2010). *Permasalahan sosial di kalangan remaja: Satu cabaran*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu. Retrieved from http://eprints.utm.my/10444/1/Permasalahan_Sosial_di_kalangan_Remaja.pdf.
- Badiah, Y., & Mohd Jamil, B. H. (2006). Infanticide. *Malaysian Journal of Psychiatry*, 15(2), 3-10.
- Bidin, M. S. S., & Shaffie, F. (2019). Voluntary Sex, Rape and Incest among Unmarried Pregnant Female Adolescents in Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid, 22, 52.
- Butt, L., & Munro, J. (2007). Rebel girls? Unplanned pregnancy and colonialism in Highlands Papua, Indonesia. *Culture, Health and Sexuality*, 9(6), 585-598.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks Sage Publication.
- Fatimah, A. (2009, June). *Kes ibu tanpa nikah di Selangor berdasarkan rekod di Jabatan Kerja Sosial Perubatan*, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia. Seminar Mencegah Gejala Sosial Negeri Selangor, Selangor.
- Gagné, N. O. (2012). Tough Choices: Bearing an illegitimate child in contemporary Japan. *Social Science Japan Journal*, Volume 15, Issue 1, Winter 2012, Pages 143–146, <https://doi.org/10.1093/ssjj/jyr035>.
- Jin, A. H., Oh, H. E., & Kim, J. S. (2007). A study on the relationship between social support, health promoting behaviors and depression among unmarried pregnant women (in Korean) [Abstract]. *Korean Journal of Women Health Nursing*, 13(2), 123-130.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2021). *Dar Saadah*. <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/2017-05-17-03-13-06/dar-assadah>.
- Medina, B. T. G. (2001). *The Filipino family*. (2nd ed.). Quezon City, Philippines: University of the Philippines Press.
- Mohd Awal, N. A. (2009). Rights of illegitimate children in Malaysia. In B. Atkin (Ed.), *International Survey of Family Law, 2009 Edition*. London: Jordan Publishing Ltd.
- Fadhilah, N. (2020). Kecenderungan Perilaku Seksual Beresiko Dikalangan Mahasiswa: Kajian atas Sexual Attitude dan Gender Attitude. *Marwah: Jurnal Perempuan, Agama dan Jender*, 19(2), 171-189.
- Rahman, N. A. A. (2009). Teenage Marriage in the Malay/Muslim Community of Singapore: Problems, Perceptions and Programmes. *Asian Journal of Social Science*, 37(5), 738-756.
- Ruzy Suliza, H. (2006). Meniti duri dan ranjau: Pembikinan gender dan seksualiti dalam konteks dunia Melayu. *SARI* 24: 15-34.
- Piyanart Sa-ngiamsak. (2016). *The Life Experiences of Unmarried Teenage Mothers in Thailand*. Doctoral thesis. School of Nursing, Midwifery and Social Work. The University of Queensland.
- Saim, N. J. (2013). *Social support, coping, resilience and mental health in Malaysian unwed young pregnant women and young mothers: Their experiences while living in a shelter home* (Doctoral dissertation) Umeå Universitet.

MAKLUMAT PENULIS

NOR JANA SAIM

Program Kerja Sosial
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Masyarakat
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
janasaim@ukm.edu.my

NORULHUDA SARNON@KUSENIN (Pengarang Koresponden)

Program Kerja Sosial
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Masyarakat
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
norul@ukm.edu.my

CHONG SHEAU TSUEY

Program Pembangunan Manusia
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Masyarakat
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
stchong@ukm.edu.my